

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

*“Classical masterpieces live only in translation.”*

- Blanchot (1990)

Kajian ini merupakan sebuah analisis terjemahan Arab-Melayu yang mengupas tentang leksis dan budaya serta kaitannya dalam proses penterjemahan. Sampel kajian ialah terjemahan dua bab awal Rihlah Ibn Battutah (RIB) dalam bahasa Arab (BA) yang telah diterjemahkan dengan judul Pengembaraan Ibn Battutah (PIB) dalam bahasa Melayu (BM). Fokus utama kajian ialah faktor leksis dan budaya dalam terjemahan. Bab ini membincangkan definisi terjemahan daripada sarjana-sarjana disiplin terjemahan. Isu definisi terjemahan ini akan dibincangkan dalam konteks bagaimana ia mempengaruhi pemikiran seseorang penterjemah dan kaedah terjemahannya. Selanjutnya, penulis akan membincangkan permasalahan, objektif, kepentingan dan batasan kajian serta beberapa definisi konsep yang penting berkaitan kajian ini.

#### 1.1 Definisi Terjemahan

##### 1.1.1 Definisi Tradisional Terjemahan

Terjemahan<sup>1</sup> secara tradisionalnya telah didefinisikan berdasarkan pendekatan untuk mencari persamaan. Nida (1964), mendefinisikan terjemahan berdasarkan persamaan dinamis. Beliau menyatakan:

A translation of dynamic equivalence aims at complete naturalness of expression and tries to relate the receptor to modes of behaviour relevant within the context of his own culture.

Nida, 1964:159

Teori persamaan dinamis Nida yang berorientasikan tiga kata kunci utama - terhampir, sejadi dan persamaan telah menguasai teori terjemahan selama lebih kurang tiga dekad. Kebanyakan sarjana teori terjemahan yang lain mengulangi pendekatan persamaan yang telah dibuat oleh Nida. Hartmann dan Stork (1972) umpamanya telah mendefinisikan terjemahan berasaskan pemikiran persamaan:

Translation is the replacement of a representation of a text in one language by a representation of an equivalent text in a second language.

Hartman dan Stork, dipetik dalam Bell, 1991:6

Hartman dan Stork juga menyatakan bahawa teks dalam pelbagai bahasa boleh mendapat persamaan dalam pelbagai tahap (persamaan sepenuh atau sebahagian), mengikut pelbagai perbezaan tahap pernyataan (persamaan dari segi konteks, semantik, tatabahasa atau leksikal dan sebagainya) dan pada peringkat yang berbeza (perkataan untuk perkataan, frasa untuk frasa, ayat untuk ayat). (*ibid.*:6)

Ringkasnya, persamaan merupakan konsep yang amat dominan dalam pemikiran terjemahan berasaskan linguistik. Walau bagaimanapun, teori-teori terjemahan berasaskan pemikiran persamaan ini telah menimbulkan kontroversi yang berpanjangan dan sudah ditolak mutakhir ini. Konsep persamaan dinamis yang dikemukakan oleh Nida sebenarnya dibangunkan untuk memastikan bahawa

mesej kitab Injil diterjemahkan secara jujur ke dalam kebudayaan lain. Matlamat ini sebenarnya membawa kelemahan dalam terjemahan, kerana terjemahan tidak hanya menitik beratkan mesej tetapi juga cara bagaimana mesej itu disampaikan dan perlunya kelainan budaya bahasa sumber menjelma dalam bahasa sasaran. Isu ini akan dibincangkan lebih lanjut lagi kemudian.

### **1.1.2 Kritikan Terhadap Definisi Tradisional Terjemahan**

Teori persamaan ini telah dikritik oleh banyak sarjana. Bell (1991) menyatakan bahawa persamaan menyeluruh yang ideal adalah mustahil. Beliau berhujah jika persamaan sinonim yang mutlak tidak boleh diperoleh antara perkataan-perkataan dalam satu bahasa yang sama maka adalah lebih sukar lagi mendapatkan persamaan sinonim antara bahasa-bahasa yang berlainan. Lefevre (1992b) pula menyatakan bahawa dominasi konsep persamaan telah menyumbang kepada kejumudan pemikiran tentang terjemahan. Menurut beliau, masalah tentang konsep persamaan ialah para penterjemah dan sarjana terjemahan tidak dapat mencapai kata sepakat tentang jenis atau tahap persamaan yang diperlukan untuk membentuk persamaan yang sebenar dalam terjemahan. Oleh itu, Lefevre menyeru supaya konsep persamaan yang menguasai pemikiran terjemahan dengan sebegitu lama ini diabaikan. Lefevre menyatakan:

It therefore seems that it's time to abandon the concept altogether, as more and more contemporary writers on translation (such as Mary Snell-Hornby) are doing, since equivalence, they claim, has become so vague that it hardly denotes anything anymore or, conversely, that it denotes all things to all people.

Lefevre, 1992b :10

Berasaskan fakta di atas, penulis menganggap definisi-definisi terjemahan yang mengambil pendekatan persamaan merupakan definisi yang bermasalah. Justeru itu, definisi terjemahan perlu diberikan paradigma yang baru.

### 1.1.3 Definisi Terjemahan Mutakhir

Dalam kajian ini, penulis lebih cenderung memetik definisi yang diberikan oleh Venuti (1995). Venuti melihat terjemahan sebagai interpretasi dan penterjemah merupakan pengantara antara dua buah teks dan bukan lagi pencari persamaan. Venuti mendefinisikan terjemahan sebagai:

Translation is a process by which the chain of signifiers that constitutes the source-language text is replaced by a chain of signifiers in the target language which the translator provides on the strength of an interpretation.

Venuti, 1995:17

Untuk mengukuhkan definisi ini, Venuti mengemukakan hujah bahawa makna merupakan kesan daripada hubungan-hubungan, dan perbezaan antara penunjuk berlaku pada sepanjang rangkaian teks yang potensinya tiada berpenghujung. Hal ini menjadikan makna sentiasa berbeza, ditangguhkan dan tidak pernah muncul sebagai sebuah entiti yang asal.

Menurut Venuti, teks asal dan juga teks asing merupakan sesuatu yang *derivatif* iaitu berasal daripada sesuatu yang lain. Kedua-dua teks mengandungi unsur-unsur linguistik dan budaya yang berlainan yang bukan dicipta oleh sama ada penulis asal atau penterjemah. Hal ini sudah tentu tidak dapat menstabilkan kerja-kerja pemberian makna dan tidak boleh tidak teks terjemahan akan

melampaui dan ada kemungkinan bertentangan dengan maksud penulis asal teks. Natijahnya, sebuah teks asing kemungkinan mempunyai makna yang berbeza, yang hanya tepat secara sementara waktu dalam suatu terjemahan berasaskan pelbagai tanggapan kebudayaan dan pilihan interpretasi, dalam situasi sosial yang tertentu, dan dalam jangka masa sejarah yang berbeza. (*ibid.*: 17-18)

#### 1.1.4 Terjemahan Sebagai Penulisan Semula atau Manipulasi

Terjemahan, khususnya dalam konteks kesusasteraan, dalam dekad mutakhir ini juga dikenali sebagai penulisan semula (*rewriting*) atau manipulasi (*manipulation*). Istilah “penulisan semula” dan “manipulasi” ini telah dipopularkan oleh Lefevere khususnya menerusi bukunya bersama Bassnett-McGuire yang berjudul “Translation, History and Culture” (1990). Dalam buku ini, beliau dengan jelas menyatakan:

Translation is, of course, a rewriting of an original text. All rewritings, whatever their intention, reflect a certain ideology and a poetics and as such manipulate literature to function in a given society in a given way. Rewriting is manipulation, undertaken in the service of power, and in its positive aspect can help in the evolution of a literature and a society. Rewritings can introduce new concepts, new genres, new devices and the history of translation is the history also of literary innovation, of the shaping power of one culture upon another, but rewriting can also depress innovation, distort and contain, and in an age of ever increasing manipulation of all kinds, the study of the manipulation process of literature as exemplified by translation can help us towards a greater awareness of the world in which we live.

Lefevere dan Bassnett Mc-Guire, 1990:ix

Istilah penulisan semula dan manipulasi turut dikemukakan dan diberikan penekanan sekali lagi dalam dua buah karya beliau yang lain berjudul, "Translation, Rewriting and Manipulation of Literary Fame" (1992a) dan "Translating Literature : Practice and Theory in a Comparative Literature Context" (1992b). Beliau menyatakan:

Translation studies can also be a locus for the study of existing translations and other forms of what Popovic calls metatext and I call rewriting.

Lefevere, 1992b:13

Lefevere, dengan memetik pandangan sarjana seperti Anton-popovic (1976), menyarankan bahawa kajian deskriptif terhadap terjemahan dapat dianggap sebagai satu varian metateks seperti ringkasan, ulasan, parafrasa dan adaptasi (1992b:11). Lefevere turut menyokong pandangan Levy (1967) dan Even-Zohar (1978) bahawa penterjemahan bukan sahaja proses mematuhi dan menggunakan peraturan, tetapi juga proses membuat keputusan, oleh penterjemah sendiri, berdasarkan bukti terbaik yang mampu dikumpulkan sebagai strategi terbaik untuk membawa teks merentas sebuah kebudayaan tertentu dan pada masa yang tertentu. (*ibid*:11)

### 1.1.5 Terjemahan ialah Akulturasi (*Acculturation*)

Lefevere juga mempelopori pendekatan yang amat menarik terhadap penterjemahan. Pendekatan tersebut melihat penterjemahan sebagai akulturasi<sup>2</sup> (*acculturation*). Beliau menyatakan:

...translation is indeed acculturation.

Lefevere, 1992b:12

Dalam pendekatan ini, Lefevere menyokong pandangan Even-Zohar yang melihat terjemahan sebagai perundingan antara dua budaya. Lefevere menyimpulkannya seperti berikut:

Even-Zohar sees translation as a process of negotiation  
between cultures: translation is acculturation.

Lefevere, 1992b:11

## 1.2 Latar Belakang Kajian

### 1.2.1 Karya RIB

Terdapat dua judul bagi RIB. Pertama ialah Rihlah Ibn Battutah (RIB) yang merupakan judul yang paling masyhur. Kedua ialah "*Tuhfah al-nuzzar fi ghara'ib al-amsar wa 'aja'ib al-asfar*" (Persembahan kepada Para Pemerhati Tentang Keanehan Kota raya dan Keajaiban Pengembaraan) yang disebutkan sendiri oleh Ibn Juzayy dalam karya RIB. Oleh sebab kedua-dua nama ini mempunyai signifikan yang penting, kedua-dua nama ini masih ditulis pada kulit hadapan karya ini<sup>3</sup>.

Karya RIB merupakan kisah tentang seorang pemuda Maghribi bernama Ibn Battutah yang meninggalkan kota Tangier di Maghribi pada Jun 1325 M. untuk menunaikan haji di kota suci Makkah. Ibn Battutah meneruskan penjelajahannya dengan mengembara ke segenap pelosok dunia Islam yang luas - bermula dari Afrika Utara sehinggalah ke negeri China dan kemudian pulang ke negeri asalnya. Pengembaraan sejauh 120,000 kilometer merentasi Afrika, Eropah

serta Asia merupakan salah sebuah penjelajahan dunia terhebat yang meletakkan Ibn Battutah sebagai salah seorang tokoh pengembara paling terkemuka dalam sejarah eksplorasi dunia. Setelah puas mengembara selama tiga dekad, Ibn Battutah pulang ke Fez, Maghribi pada 1354 M.. Di kota Fez ini kisah beliau mula diabadikan. Kisah beliau yang penuh dramatik tersebut dirakam indah dalam sebuah karya Arab klasik yang diberi judul *Rihlah Ibn Battutah al-Musammah Tuhfah al-Nuzzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Aja'ib al-Asfar*. Penulisan karya ini disiapkan pada 9 Disember 1357 M.. Karya ini asalnya ditulis atas titah Maulana Abu 'Inan, Sultan Maghribi Dinasti Banu Marin dan telah disempurnakan dengan penuh kehalusan bahasa hasil kerjasama erat Ibn Battutah dengan penyair Ibn Juzayy, sasterawan Andalus dari Granada.

Pengkaji-pengkaji sejarah mengiktiraf RIB sebagai karya klasik yang amat bernilai. RIB menjadi satu-satunya sumber maklumat langsung tentang peristiwa politik, geografi, dan keadaan sosio-ekonomi di beberapa buah kawasan dunia seperti Mali, Asia Kecil dan pantai Malabar di India pada kurun ke-14 M.. Dalam sejarah Asia Tenggara pula, RIB merupakan satu-satunya karya berbahasa Arab yang membuktikan kesahihan wujudnya kerajaan Islam Pasai di Sumatera pada kurun ke-14 M..

Karya RIB juga disifatkan sebagai kemuncak kecermerlangan penulisan genre *Adab al-Rihlat* atau Sastera Pengembaraan Arab yang kaya dengan maklumat dunia wacana Islam, geografi, sejarah, antropologi dan juga budaya. Karya RIB telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa utama dunia dan mendapat perhatian mendalam orientalis sejak awal kurun ke-19 hingga hari ini.



### 1.2.2 Projek Terjemahan IKIM

Terjemahan RIB ini telah ditaja oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). IKIM merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan untuk menyemarakkan kajian, latihan dan rundingan serta menggalakkan pertumbuhan dan pencernaan ilmu di kalangan ummah yang bersesuaian dengan perkembangan masa dan situasi sejagat. Antara aktiviti yang dijalankan oleh IKIM untuk mencapai matlamat penubuhannya ialah aktiviti penterjemahan buku klasik.

Laporan Tahunan IKIM (1997, 31) melaporkan tentang aktiviti terjemahan buku-buku masyhur. Laporan itu menyebut, "Buku-buku yang sedang diterjemahkan oleh IKIM adalah seperti berikut:

- Ma'alim al-Minhaj al-Islami oleh Muhammad 'Immaruh
- Rihlah Ibn Battutah oleh Ibn Battutah
- Hujjatullah al-Balighah oleh Syah Wali Allah
- Al-Nuqud fi al-Islam oleh al-Maqrizi
- Futuh al-Buldan oleh al-Balazuri"

### 1.2.3 Objektif IKIM sebagai Organisasi Pembiaya Projek Terjemahan RIB

Terjemahan sebenarnya melibatkan arahan. Organisasi yang berkuasa membuat arahan supaya terjemahan dilakukan. Penterjemah pula mempunyai peranan untuk memenuhi, atau difikirkan untuk memenuhi satu keperluan. Penterjemah juga berperanan untuk memenuhi suatu kepercayaan. Pembaca sasaran yang tidak mengetahui karya asal mempercayai bahawa terjemahan ialah satu pernyataan semula yang adil terhadap karya asal. Pembaca mempercayai

penterjemah dan implikasinya pembaca juga yang akan memeriksa penterjemah tersebut.

Dalam keadaan semakin kurang orang yang mengetahui bahasa, terjemahan akan dibaca kerana maklumat yang dikandungnya. Oleh yang demikian, terjemahan yang berbeza diperlukan untuk kumpulan yang berbeza atau dengan matlamat yang berbeza. Terjemahan untuk bacaan kanak-kanak adalah berbeza dengan terjemahan untuk orang dewasa. Contohnya, karya bersiri khas untuk kanak-kanak berjudul "*Ibn Battuta in the Valley of Doom*" oleh Abd al-Rahman Azzam, (1996), tertulis pada kulit belakangnya:

Written for children and young adults, and with colour illustrations, the series traces the travels and adventures of the famous Moroccan traveller as he criss-crossed the Muslim world in the 14th century.

Abd al-Rahman Azzam, 1996

Karya yang ditulis oleh Abd al-Rahman ini mempunyai gambar dan lukisan yang berwarna-warni serta penggunaan bahasa yang lebih mudah. Ini membuktikan bahawa penterjemah atau penulis semula memainkan peranan yang berbeza dalam situasi dan latar belakang yang tertentu.

Tujuan projek terjemahan RIB tajaan IKIM ini adalah untuk mendapatkan gambaran tentang masyarakat Islam silam daripada perspektif sejarah. Seseengah tamadun dan budaya dilihat mempunyai prestij dan autoritatif yang perlu dihargai dan dimanfaatkan. Masyarakat Islam di Malaysia melihat teks-teks klasik warisan silam seperti RIB sebagai berprestij dan autoritatif untuk diterjemah, dikaji dan dijadikan panduan. Sebuah budaya dianggap penting oleh budaya yang lain jika

budaya yang membuat tanggapan itu percaya bahawa ia perlu belajar lebih banyak lagi daripada budaya yang lebih berprestij dan autoritatif itu. (Lefevere, 1992b:118)

Dalam konteks penterjemahan RIB ke dalam bahasa Melayu ini, IKIM mempunyai objektif supaya karya Arab klasik RIB ditulis dalam bentuk penulisan bahasa Melayu yang standard dan bersifat akademik untuk audiens masyarakat awam dan pembaca karya Melayu di dalam dan juga luar Malaysia.

#### **1.2.4 Mengapa RIB Dipilih Sebagai Teks Kajian Ini**

Karya RIB ini walaupun masyhur dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman namun ia belum pernah diterjemahkan dengan lengkap ke dalam BM. IKIM mencetuskan usaha penterjemahan RIB pada tahun 1993 dan dua orang penterjemah iaitu penulis sendiri dan Adi Setia Mohd Dom telah dilantik untuk menyiapkan tugas penterjemahan. Semenjak tahun 1993 sehingga kini (2000), manuskrip RIB telah melalui proses pra-penerbitan yang melibatkan kerja-kerja semakan, perbandingan dengan teks asal, penyediaan nota hujung dan glosari, penyuntingan, pembacaan prof dan lain-lain.

Dalam penyelidikan ini, penulis mengambil terjemahan RIB sebagai teks kajian untuk melihat sejauh mana faktor leksis dan budaya memberi impak dalam penterjemahan Arab-Melayu. Penulis perlu menjelaskan di sini bahawa terjemahan RIB merupakan karya terjemahan penulis sendiri. Sebagai teks kajian, penulis menggunakannya dalam penyelidikan ini untuk melihat masalah-masalah yang dilalui dan dialami sendiri oleh penulis semasa proses penterjemahan karya

RIB tersebut. Dalam kajian ini, penulis mencuba menggabungkan antara teori dan pendekatan penterjemahan dengan pengalaman penulis sebagai penterjemah. Hasil penyelidikan seumpama ini yang menggabungkan antara teori dan pengalaman penterjemahan diharapkan dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua golongan penterjemah dan pengkaji disiplin terjemahan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Terjemahan ialah proses menterjemah makna daripada satu bahasa dan budaya kepada satu bahasa dan budaya yang lain. Makna pula terkandung antara lain dalam perkataan atau lexis. Kajian ini melihat masalah menterjemah budaya sebagai masalah utama dalam penterjemahan yang terkandung dalam penterjemahan lexis. Perbezaan budaya yang terdapat antara BA dan BM menyebabkan wujudnya berbagai-bagai masalah dan kesukaran dalam kerja penterjemahan teks sumber (TS) iaitu karya RIB kepada teks terjemahan (TT) iaitu PIB, umumnya dari segi pemilihan lexis.

Masalah memahami makna yang terkandung dalam budaya bahasa sumber dan kemudian memindahkannya dengan sepadan dalam budaya bahasa sasaran merupakan fenomena kesukaran menterjemah budaya yang mencetuskan masalah utama penterjemahan. Strategi untuk mengatasi masalah ini ialah dengan melihat kepada aspek lexis (perbendaharaan kata) dan budaya itu sendiri serta memahami kaedah yang diberikan oleh sarjana untuk mengatasi masalah tersebut.

Perkataan-perkataan mempunyai potensi untuk berkembang melebihi sempadan makna leksikalnya dan pelbagai kemungkinan semantik menerusi kedudukan kontekstual yang tertentu. Adakalanya perkataan melewati batasan-

batasan makna sesebuah kamus. Kesan perkataan hanya boleh ditentukan mengikut latar belakang konteks dalam sesebuah teks.

### 1.3.1 Perbezaan Budaya Arab dengan Melayu

Dalam konteks hubungan bahasa Arab-Melayu, BA mempunyai signifikan budaya dan pengaruh linguistik terhadap BM oleh kerana ia merupakan bahasa kitab suci al-Quran<sup>4</sup>. Namun, hubungan keagamaan yang rapat bukanlah faktor yang dapat memudahkan penterjemahan Arab-Melayu.

Sebagai contoh, kesukaran menterjemah budaya terkandung sendiri dalam teks RIB dalam BA itu sendiri. Penulis RIB telah mencampur adukkan bahasa yang standard dengan bahasa kolokial yang berlatar belakangkan budaya Arab tempatan. Bagi penterjemah yang tidak menghalusi bahasa penulis asal RIB ini, hal demikian menjadi kekangan yang menyulitkan penterjemahan. Gibb, penterjemah RIB versi bahasa Inggeris (BI) menyatakan bahawa BA kolokial Maghribi yang digunakan oleh Ibn Battutah dalam teks RIB telah menimbulkan masalah dalam penterjemahan:

...the rendering of Ibn Battuta's Arabic presents some peculiar difficulties,...there are a number of passages in which it is difficult to be sure of the precise significance of certain turns of phrase - whether, for example to translate certain terms in their classical literary sense or in the local Moroccan usage, so far as the latter is known.

Gibb, 1958: vol.I, xiv

Kenyataan Gibb ini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan BA kolokial Maghribi dalam karya RIB menyebabkan penterjemah berada dalam dilema sama ada hendak menterjemah makna dalam maksud kesusasteraan Arab

klasik atau dalam maksud yang lain berdasarkan penggunaan BA kolokial Maghribi. Sekiranya perbezaan maksud ini sudah terdapat dalam BA teks RIB itu sendiri, sudah tentu perbezaan budaya dalam teks terjemahan BM adalah lebih besar dan lebih banyak lagi menimbulkan masalah makna dalam penterjemahan.

Selain bahasa, faktor-faktor seperti tempat, cuaca, agama dan adat juga menyumbang kepada masalah perbezaan antara budaya Arab dengan Melayu. Dalam kajian ini, penulis merujuk bahasa dan budaya Arab secara umum kepada negara Timur Tengah (*Middle East*). Patai (1970) membataskan Timur Tengah seperti berikut:

Middle East will be considered as comprising the entire western half of the great Afro-Asian desert-and-steppe zone together with the more fertile minor regions immediately contiguous to it or contained islandlike within it. The northern part of Africa from the Mediterranean down to approximately latitude 12 N and southeast Asia with the Black Sea, the Caucasus, the Caspian Sea and the Turkestan and Indian plains as the northern and eastern boundaries.

Patai, 1970: 188

Muka bumi kawasan Timur Tengah adalah bergunung-ganang serta kering (gurun panas) dan tidak banyak terdapat tumbuh-tumbuhan. Kawasan ini boleh dibahagikan kepada empat. Setiap satu mempunyai kawasan padang pasir dan steppe di bahagian tengah yang dikelilingi oleh kawasan yang lebih subur. Empat kawasan tersebut ialah Afrika utara, Semenanjung Arab, Penara (Plateau) Iran dan Asia Kecil. Kawasan yang bercuaca Mediterranean dan lebih lembap seperti di Afrika Utara membolehkan banyak kegiatan pertanian dijalankan. Manakala

kawasan padang pasir pula mengalami iklim yang panas dengan suhu setinggi 30° C dan hujan tahunan yang sedikit (250 mm):

Pertanian hanya dijalankan di kawasan yang menerima hujan yang cukup atau di kawasan yang diairi dengan terusan dan karez seperti di Lembangan Tigris-Euphrates di Iraq dan Nil di Mesir. Antara tanaman utama ialah kurma, gandum, jagung, zaitun, anggur, buah-buahan sitrus dan tembakau. (Goh Cheng Leong, 2000) Kawasan Timur Tengah secara keseluruhannya merupakan kawasan padang pasir dan steppe. Justeru itu, penternakan binatang menjadi ciri utama bagi budaya masyarakat di sini. Antara binatang ternakan ialah biri-biri, kambing, unta, kuda dan lembu. (Patai, 1970) Latar belakang geografi fizikal dan kemanusiaan ini jelas berbeza dengan latar belakang geografi penutur bahasa sasaran yang menetap di Malaysia. Malaysia mempunyai iklim khatulistiwa yang panas, lembap dan menerima hujan sepanjang tahun serta dilitupi oleh hutan khatulistiwa. (Goh Cheng Leong, 2000) Perbezaan iklim dan cuaca ini menimbulkan kesukaran kepada penterjemah untuk memahami dan menterjemahkan dunia wacana Ibn Battutah khususnya tentang cuaca, muka bumi, jenis pokok, jenis binatang, alat yang digunakan, rumah yang didiami, bangunan dan cara pertanian atau pembuatan barangan ke dalam BM.

Dari segi agama pula, majoriti penduduk Timur Tengah (90%) adalah beragama Islam. Agama merupakan faktor pendorong dalam kebanyakan aspek budaya. Keseluruhan adat dan tradisi adalah bersifat keagamaan. Apa jua yang dilakukan oleh seseorang, ia mesti akur dan patuh kepada adat, tradisi dan agama. Terdapat hubungan yang rapat antara agama dan kesenian masyarakat Timur Tengah. Hiasan dan seni bina mempunyai hubungan yang intim dengan agama.

(Patai, 1970) Masalah yang menyukarkan penterjemahan karya RIB ke dalam BM ialah meskipun majoriti orang Arab beragama Islam, namun perpecahan mazhab telah berlaku. Ahmad Amin Mustafa (1992) menyebut tentang istilah-istilah sukar berkaitan mazhab dan firqah Islam, kuasa politik dan firqah ahli sufi kurun ke-14 yang didapati dalam karya RIB. Antara istilah mazhab dan firqah Islam tersebut ialah Mu'tazilah, Rafidah, Syi'ah, Nusairiyyah dan Khawarij. Kuasa politik pula adalah seperti istilah kaum Harafisy, puak Bujah, golongan Isma'iliyyah Fidawiyah, Pemuda Akhi, Tatar dan Naqib al-Asyraf. Sementara firqah ahli sufi pula adalah seperti istilah Rifa'iyyah, Haidariyyah, Samirah dan Qalandariyyah. Tanpa memahami kepercayaan, pemikiran dan latar belakang pelbagai mazhab dan golongan ini, sudah pasti penterjemahan RIB sukar untuk dilakukan.

RIB juga merakamkan tentang adat resam. Contohnya ialah Hari *Mahmil* di Mesir, *Lailatul Mahya* atau Malam Kehidupan di Parsi, mengutus *Taksyif* di negeri orang berkulit hitam dan banyak lagi hari perayaan dan adat istiadat yang lain. Semua adat resam seumpama ini tidak dikenali dalam dunia wacana budaya Melayu dan hal ini menyukarkan proses penterjemahan.

Newmark (1988) turut menyebut tentang masalah penterjemahan kerana perbezaan budaya seperti yang diuraikan di atas. Beliau mengkategorikan perkataan-perkataan yang sukar untuk diterjemahkan disebabkan wujudnya masalah perbezaan budaya kepada lima klasifikasi utama iaitu, (1) *ecology*; (2) *material culture (artifacts)*; (3) *social culture – work and leisure*; (4) *organisations, customs, activities, procedures, concepts*; (5) *gestures and habits*.



Berdasarkan penjelasan di atas, masalah tentang perbezaan budaya Arab dan Melayu boleh dipermudahkan dengan melihat tiga aspek yang membentuk budaya secara keseluruhan, berdasarkan pandangan sarjana antropologi White dan Huxley (Getis *et al.*, 1994). White dan Huxley membahagikan sub-sistem budaya kepada tiga struktur:

- *Artifacts* – yang berkaitan dengan sistem teknologi yang membentuk objek material dan teknik kehidupan yang digunakan manusia. Antaranya ialah alat-alat dan lain-lain instrumen yang membolehkan manusia makan, memakai pakaian, tinggal, mempertahankan diri, berjalan dan berhibur.
- *Sociofacts* – yang berkaitan dengan sistem sosiologi yang mengandungi institusi formal dan tidak formal dalam asosiasi ekonomi, politik, ketenteraan, agama dan lain-lain yang menguasai organisasi sosial sesebuah kumpulan budaya.
- *Mentifacts* – yang berkaitan dengan pemikiran, kepercayaan dan pengetahuan sesebuah budaya serta cara ia disampaikan sama ada dalam bentuk pertuturan atau lain-lain bentuk komunikasi.

## 1.3.2 Leksis dan Budaya

### 1.3.2.1 Budaya Mempengaruhi Leksis

Leksis berasal daripada perkataan Greek *lexis* yang bermaksud *speech*. Istilah leksis ini popular kerana ia tidak mengandungi kekaburan dan merupakan perkataan Greek yang asli. Leksis menurut Ilson ialah istilah yang khusus terdapat dalam Linguistik British yang menunjukkan kosa kata sebuah bahasa atau sub-bahasa, yang mengandungi terutamanya leksemnya. (McAthur: 602). Kamus

Dewan (1994:785) pula mentakrifkan leksis sebagai perbendaharaan kata sesuatu bahasa, kosa kata, leksikon. Leksis merupakan sinonim kepada perkataan leksikon yang juga bermakna perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu bidang.

Leksis sesuatu bahasa tidak dapat dipisahkan sama sekali daripada budayanya. Dalam konteks terjemahan RIB-PIB, timbul persoalan tentang dua leksis dan dua budaya yang terdapat dalam TS dan TT yang melalui proses terjemahan. Dalam keadaan bahasa yang merupakan ungkapan serta gedung budaya dan perkataan-perkataan dalam sebuah bahasa tidak boleh lari daripada terikat dengan budayanya, proses penterjemahan merupakan sesuatu yang sukar. Menurut Lefevere, adalah sukar untuk memindahkan makna perkataan dalam bentuknya yang menyeluruh ke dalam sebuah bahasa yang lain. (1992b:17)

RIB merupakan sebuah teks karya klasik yang mengandungi banyak perkataan yang merujuk kepada pelbagai bidang ilmu. Terdapat juga banyak perkataan yang merujuk kepada realiti yang sudah tidak lagi wujud dalam dunia moden hari ini. Benda dan konsep yang diutarakan telah lenyap tetapi perkataan yang digunakan untuk menggambarkan dan menunjukkannya tetap tercatat dan terus bertahan untuk beberapa kurun selagi karya RIB ini bertahan. (Lefevere,1992b:17)

### **1.3.2.2 Budaya Mempengaruhi Makna**

Budaya merupakan istilah yang membawa makna yang luas dan justeru itu ia perlu dijelaskan di sini. *National Geographic* edisi Ogos 1999 (vol. 196, no.2) memberi fokus istimewa yang menarik berjudul Millennium Supplement: Culture.

National Geographic dalam halaman tambahan (peta) yang disertakan bersama edisi Ogos 1999 itu menyatakan bahawa sarjana antropologi sendiri menghadapi kesukaran dalam memberi takrifan terhadap budaya:

What is culture? Even anthropologists struggle to define the word. Food, dress, tools, dwellings, laws, manners, art, myths – culture can be described as the manifestations of human existence that are transmitted from one generation to the next, a pool of the collective intellect and memory.

Supplement to National Geographic, August 1999

Seterusnya, National Geographic menyatakan bahawa kayu ukur terunggul budaya itu sendiri ialah bahasa,

There are many barometers of cultural diversity, including religion, but the best indicator of the health of the world's cultures may be the state of its languages.

*ibid.*: Ogos 1999

Menerusi fakta di atas, dapat difahami dengan jelas bahawa budaya merangkumi pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, bahasa merupakan elemen budaya yang paling utama. Davis mengungkap kenyataan ini dalam artikelnya berjudul "*The issue is whether ancient cultures will be free to change on their own terms*":

More than a cluster of words or a set of grammatical rules, a language is a flash of the human spirit by which the soul of a culture reaches into the material world.

Davis, National Geographic, Ogos, 1999:65

Ahli-ahli bahasa juga mendefinisikan budaya dengan definisi yang hampir sama seperti di atas. McArthur (1992) dan Magdi Wahbah (1974) umpamanya

sepakat menyatakan bahawa “budaya merujuk situasi sosial atau semua ciri istimewa yang terdapat pada sesebuah tahap kemajuan tamadun manusia, ataupun sebuah cara kehidupan”. Menurut McArthur, bahasa menurut definisi ini merupakan sebahagian daripada budaya.

Menterjemahkan sebuah teks bererti memindahkan corak hidup dan konsep (makna) daripada bahasa sumber yang dibayangkan oleh teks itu menerusi sistem linguistik budaya tersebut kepada budaya bahasa penerima dan menstrukturkannya semula dengan menggunakan sistem linguistik budaya penerima (Al-Najjar,1984:6). Sarjana-sarjana terjemahan sendiri mengambil pendekatan yang berbeza tentang bagaimana memindahkan makna antara budaya. Nida menyarankan pedomestikan (*domesticating*), Venuti menentangny dan mencadangkan kaedah pengasingan (*foreignizing*) sementara Lefevere lebih sederhana dengan pandangan akulturasi iaitu terjemahan merupakan proses perundingan antara dua budaya. (Persoalan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam tinjauan kajian dan pembacaan berkaitan, Bab 2 nanti).

### **1.3.3 Kategori Makna yang Dikaji: Denotasi, Konotasi dan Idiomatik**

Terdapat beberapa kategori makna yang sering mempunyai masalah kekaburan bahasa dan penterjemah mesti mencuba mendapatkan makna secara tepat untuk memindahkannya ke dalam bahasa lain. Antaranya ialah makna denotasi, konotasi dan idiomatik (Bell 1991, Baker 1992).

- Makna denotasi<sup>5</sup> : Makna yang bersifat rujukan, objektif dan kognitif yang dikongsi oleh komuniti pertuturan yang menggunakan bahasa yang dibentuk oleh sesuatu perkataan atau ayat tersebut

Makna denotasi dikatakan makna yang paling mudah untuk diterangkan kerana biasanya ia merujuk objek yang konkrit atau mudah digambarkan, proses atau hubungan dan bukan perkara-perkara yang abstrak. Bell (1991), bersetuju hingga ke suatu tahap dengan hujah ini, tetapi beliau mempertikaikannya dengan hujah bahawa makna denotasi juga tidak sepenuhnya dikongsi bersama oleh sesebuah masyarakat penutur. Apatah lagi kalau ia perlu diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Makna denotasi dalam sesebuah bahasa juga bertaut rapat dengan latar belakang budaya, pengalaman hidup dan suasana persekitarannya sendiri dan penterjemah tidak terkecuali daripada berhadapan dengan masalah dalam menangani makna denotasi ini.

- Makna konotasi<sup>6</sup> : Makna yang bukan bersifat rujukan tetapi bersifat ungkapan, subjektif dan afektif serta mempunyai kesan perasaan.

Hampir setiap perkataan mempunyai makna denotasi dan makna konotasi. Terdapat perkataan yang mempunyai asosiasi konotasi tertentu yang menimbulkan masalah jika digunakan dalam terjemahan. Makna konotasi yang bersifat emosional atau afektif ini memerlukan penterjemah menilai perbezaan makna konotasi antara bahasa sumber dan bahasa sasaran yang menimbulkan masalah dalam penterjemahan. Adakalanya perbezaan itu adalah kecil dan adakalanya perbezaan itu adalah besar dan bersifat sensitif.

- Makna idiomatik<sup>7</sup> : Makna jenis ungkapan yang sesuai dan mudah didapati dalam sesebuah masyarakat atau sesebuah tempat. Ia merupakan ungkapan yang unik dalam sesebuah bahasa dan maknanya tidak dapat dijangka daripada makna literal perkataan yang membentuknya. (McAthur,1992)

Dalam bahasa Arab ungkapan idiomatik dipanggil - *al-ta'bir al-istilahi* (التعبير الاصطلاحي), iaitu komponen bahasa yang mengandungi dua perkataan (*kalimah*) atau lebih, yang menunjukkan makna baru yang bertentangan dengan makna yang ditunjukkan oleh perkataan-perkataan yang membentuk makna tersebut secara bersendirian. Dalam konteks BA, ungkapan-ungkapan idiomatik pada asalnya ialah perumpamaan (*amthal*). Perumpamaan-perumpamaan ini kemudiannya digunakan oleh masyarakat secara meluas sehingga ia menjadi ungkapan yang idiomatik. (El.Sieny *et al.*, 1996)

Kesukaran memahami makna idiomatik ini sememangnya diakui oleh sarjana-sarjana linguistik Arab sendiri. El.Sieny *et al.*(1996), sarjana linguistik bahasa Arab kontemporari menyatakan dalam mukadimah karyanya, *al-Mu'jam al-Siyaqi li al-ta'bir al-istilahiyyah*<sup>8</sup> bahawa,

ومن الخصائص ما يرتبط ارتباطا مباشرا بالخلفية الثقافية للناطقين بها وتجاربهم في الحياة والبيئة التي يعيشون فيها. من هذه الخصائص التعبيرات الاصطلاحية التي يستعملها أهل اللغة سليقة أو قصدا ليزينوا بها كلامهم أو ليضفوا عليه عنصر القوة والتأثير. وكثيرا ما يبنى حسن استعمال هذه التعبيرات عن ثقافة المتحدث أو الكاتب. هذا ونلاحظ في الوقت نفسه أن هذه التعبيرات الاصطلاحية - نتيجة لخصوصيتها - تقف ححر عثرة في فهم بعض النصوص التي تشتمل عليها.

El. Sieny *et al.*, 1996:Mukadimah

Antara ciri-ciri bahasa ialah ia mempunyai hubungan langsung dengan latar belakang budaya para penuturnya, pengalaman mereka dalam kehidupan dan persekitaran tempat mereka hidup. Antara ciri-ciri bahasa ini ialah ungkapan idiomatik yang digunakan oleh komuniti sesebuah bahasa secara semulajadi, atau dengan niat mengindahkan kata-kata orang ramai untuk menambahkan unsur kekuatan dan kesan. Keindahan penggunaan ungkapan ini sering menggambarkan tentang budaya si penutur atau penulis. Namun, kami mendapati bahawa pada masa yang sama ungkapan-ungkapan idiomatik ini – di sebalik keistimewaannya - merupakan batu penghalang dalam memahami sesetengah teks yang dirangkuminya.

El.Sieny *et al.*, 1996;Mukadimah

#### 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- Memberi pemerhatian atau kajian semula tentang konsep terjemahan mutakhir;
- Mengenal pasti faktor lexis dan budaya dalam karya RIB menurut klasifikasi tertentu; makna denotasi, makna konotasi dan makna idiomatik;
- Menganalisis masalah penterjemahan daripada BA kepada BM bagi leksikal dan frasa BA yang mempunyai masalah makna dalam karya RIB;
- Mengenal pasti pendekatan-pendekatan pendomestikan, pengasingan dan akulturasi yang digunakan oleh penterjemah RIB dalam penyelesaian terhadap masalah semantik dan budaya antara RIB dan PIB;
- Menghuraikan persoalan persilangan lexis dan budaya dalam karya RIB.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Karya RIB dikategorikan oleh sarjana di Timur dan juga Barat sebagai klasik<sup>9</sup>, iaitu karya yang diakui oleh dunia sebagai memiliki mutu dan nilai yang tinggi dan kekal. Baloch (1997) dalam karyanya yang berjudul, “*Great Books of Islamic Civilisation*” menyenaraikan 81 buah karya agung dalam pelbagai bidang ilmu yang menggambarkan kegemilangan tamadun Islam. Dalam bidang kosmologi, kosmografi, geografi dan kronologi, Baloch menyenaraikan karya RIB dalam kategori pengembaraan. Baloch mencatatkan ketinggian nilai dan mutu karya RIB:

In Ibn Battuta's epitome of his journies, the genre of *al-rihla* or *adab al-rihla* ('Travel Literature') reached its climax.

Baloch,1997:155

Baloch menyifatkan bahawa penceritaan Ibn Battutah tentang pengembaraannya yang walaupun begitu spontan, asli dan semula jadi, namun ia berjaya meninggalkan pengetahuan yang begitu kaya tentang geografi, sejarah, antropologi dan juga budaya.

Berdasarkan fakta di atas, karya RIB merupakan karya yang penting untuk diterjemahkan supaya para pembaca yang tidak dapat membacanya dalam BA boleh membacanya dalam BM. Oleh sebab terjemahan karya RIB ini penting, kajian dan analisis terhadap terjemahannya juga penting kerana ia boleh menjadi lokus yang membolehkan penterjemah-penterjemah melihat masalah



penterjemahan dan mendidik diri mereka untuk mengatur strategi bagi membuat penyelesaian.

Kajian intensif faktor lexis dan budaya terhadap teks terjemahan RIB versi BM ini adalah penting demi kemajuan bidang penterjemahan Arab-Melayu dan bidang terjemahan umumnya di Malaysia. Terjemahan Arab-Melayu telah dilakukan secara meluas oleh para penterjemah di Malaysia. Daripada kajian Muhammad Bukhari Lubis (1993), didapati bahawa hampir 600 judul buku bahasa Arab telah diterjemahkan kepada BM dalam pelbagai disiplin ilmu. Namun, kajian tentang teori dan pendekatan dalam penterjemahan Arab-Melayu ini sedikit sekali dijalankan. Penyelidikan dan penulisan yang berkaitan dengan bidang terjemahan Arab-Melayu ini tidak membincangkan persoalan makna dan budaya, serta teori dan pendekatan yang perlu dikuasai oleh penterjemah. Hakikat ini dibuktikan dengan kenyataan bahawa sepanjang abad yang ke-20 hanya sebuah karya dalam disiplin terjemahan yang mengkhusus Arab-Melayu diterbitkan. Karya berjudul "Penerjemahan Arab-Melayu-Arab; Peraturan dan Dasar oleh Haji Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Muhammad (1998) ini merupakan karya terjemahan dan adaptasi daripada buku yang ditulis oleh dua orang ilmuan Arab, iaitu 'Abd al-'Alim al-Sayyid Mansi dan 'Abdullah 'Abd al-Raziq Ibrahim. Kekurangan penulisan tentang kaedah penterjemahan Arab-Melayu ini adalah serius dan para sarjana dalam bidang ini perlu melipat gandakan usaha untuk terus menyumbangkan lebih banyak karya demi kemajuan bidang ini.

Penulis merumuskan bahawa kajian ini penting dari segi :

- Dapat menanam kesedaran di kalangan penterjemah Arab-Melayu bahawa para penterjemah mestilah memiliki pengetahuan tentang pelbagai masalah dan persoalan terjemahan yang mantap;
- Dapat meningkatkan penguasaan para penterjemah dalam memahami isu-isu makna dan budaya supaya terjemahan mereka lebih bermutu dan berkualiti;
- Dapat memberi panduan dan teknik kepada para penterjemah dalam mengatasi masalah pemindahan makna dan budaya dalam penterjemahan Arab-Melayu menerusi contoh-contoh penterjemahan RIB kepada PIB;
- Dapat menghidupkan karya-karya klasik warisan Islam yang agung. Hanya terjemahan, penulisan semula dan kajian-kajian terhadapnya akan menjadikan sesebuah karya bukan hanya sebagai monumen sejarah tetapi sebuah karya yang bernilai dan penting untuk dibaca;
- Dapat memberi panduan dan teknik kepada penterjemah dalam menangani masalah makna seperti yang terdapat dalam penterjemahan karya RIB.

## **1.6 Batasan Kajian**

Penulis membataskan analisis teks RIB ini dalam kajian faktor lexis dan budaya dalam penterjemahan Arab-Melayu kepada leksikal dan frasa yang bermasalah sahaja. Data-data yang akan menjadi asas kepada perbincangan kajian hanya terbatas kepada data-data yang terdapat dalam Bab 1 iaitu “Barat Laut Afrika dan Mesir” dan Bab 2 iaitu “Syam” karya PIB. Penulis memilih dua bab ini kerana dua faktor berikut:

- Dalam penterjemahan karya, penterjemah perlu konsisten dari segi teknikal dengan kaedah dan strategi yang digunakannya apabila melakukan

penterjemahan. Secara rasionalnya, semua kaedah, teknik dan strategi perlu diterapkan terlebih dahulu dalam bab-bab yang terawal. Selepas itu, penterjemah akan mempunyai sejumlah penyelesaian penterjemahan yang standard yang perlu diterap dan diselaraskan dalam keseluruhan teks terjemahan. Dengan demikian, koheren atau keteraturan fikiran dalam teks terjemahan dapat dipelihara dengan baik.

- Dua bab pertama tersebut dapat memberikan gambaran tentang bentuk-bentuk masalah yang bakal timbul dalam penterjemahan keseluruhan teks RIB. Oleh itu, data-data yang dianalisis daripada dua bab pertama ini dapat memberikan persampelan yang baik tentang masalah penterjemahan yang terkandung dalam teks RIB.

Seterusnya, leksikal dan frasa yang membawa makna-makna denotasi, konotasi, dan idiomatik yang melibatkan masalah pemindahan makna dan budaya tertentu dalam konteks terjemahan Arab-Melayu sahaja yang akan dibincangkan. Tiga jenis makna ini dipilih kerana penulis ingin mengkaji masalah makna yang timbul pada tahap leksikal dan frasa sahaja. Namun begitu, penulis tidak menafikan bahawa terdapat juga makna lain yang ketara masalahnya dalam proses penterjemahan teks RIB seperti makna figuratif. Untuk kajian ini, adalah lebih baik penulis menghadkan dan menumpukan kepada tiga jenis makna tersebut sahaja dan tidak memasukkan perbincangan tentang makna figuratif. Makna figuratif dalam konteks bahasa Arab memerlukan perbincangan dalam ilmu *Balaghah* dengan segala kaedah, istilah, sempadan dan pembahagiannya yang luas dan pelbagai. Oleh itu, adalah lebih baik jika kajian yang berasingan dilakukan khusus menumpukan masalah makna figuratif dalam penterjemahan teks RIB.

Dalam pendekatan kuantitatif, penulis akan menunjukkan semua data yang terdapat dalam Bab 1 dan 2 karya PIB yang diperolehi dalam bentuk perangkaan atau statistik. Sementara dalam pendekatan kualitatif, penulis menghadkan sekurang-kurangnya lima data bagi setiap kategori makna denotasi, konotasi dan idiomatik untuk dianalisis.

### 1.6.1 Faktor Pemilihan Karya RIB Sebagai Analisis Kajian

Secara rasionalnya penulis memilih karya RIB sebagai analisis kajian berasaskan faktor-faktor berikut :

- Karya RIB merupakan karya genre *adab al-rihlah* (sastera pengembaraan). Sastera pengembaraan merupakan genre yang istimewa di kalangan orang Arab. Karya RIB kaya dengan dunia wacana yang diutarakan oleh Ibn Battutah sepanjang pengembaraannya pada kurun ke-14 Masehi. Terjemahan versi bahasa Melayu RIB pula hanya lahir menjelang abad yang ke-21. Justeru itu, penterjemahan RIB membawa berbagai-bagai pertentangan bahasa, budaya serta masa dan ini amat relevan dengan faktor leksis dan budaya yang dikaji dalam kajian ini;
- Karya RIB telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuklah Perancis, Jerman, Portugal, Inggeris, Urdu dan sebagainya semenjak satu kurun yang lepas. Malah, jurnal berbahasa Inggeris yang tersohor dengan kajian-kajian geografi, penyelidikan dan penyiasatan, National Geographic telah menyiarkan rencana bertajuk "Ibn Battuta Prince of Travellers" sebagai isu perdana bagi keluaran November, 1991. Abercombie mencatatkan kelebihan Ibn Battutah:

Swayed by an overwhelming impulse, 21-year-old Ibn Battuta left Tangier for Mecca in June 1325. Over the next 29 years that impulse carried him to Islamic outposts from Sumatra to Mali and returned him at least four times to the sacred city. His journeys totaled 75,000 miles – three times the distance logged by his European predecessor, Marco Polo.

Abercombie, 1991:13

- Kehebatan Ibn Battutah juga mendapat perhatian media elektronik. Rancangan Jejak Rasul yang popular di Malaysia menyiarkan kisah beliau dalam episod yang ke-14 (Jejak Rasul 3 -1998) iaitu sewaktu membuat liputan penggambaran tentang kota Tangiers (Tanjah)<sup>10</sup> di Maghribi. Jejak Rasul 3 menjejaki makam Ibn Battutah yang terletak di hujung lorong Rue Gzenaya di Tangiers. Jejak Rasul menyifatkan Ibn Battutah sebagai tokoh pengembara Islam yang hanya membawa Islam sebagai bekal dan kebenaran sebagai senjata<sup>11</sup>.

Memandang bahawa karya RIB ini begitu bernilai, usaha menterjemahkannya ke dalam BM wajar diberi pengiktirafan. Penterjemahan karya ini akan membolehkan para pembaca profesional dan bukan profesional yang tidak dapat membacanya dalam BA membaca karya terjemahan tersebut dalam BM. Di samping itu, penterjemahannya juga dapat membuktikan kemampuan BM sebagai sarana pengungkapan karya klasik.

## 1.7 Definisi Konsep

### 1.7.1 Akulturasi

Akulturasi merujuk pendekatan yang melihat terjemahan sebagai suatu proses pertukaran atau perundingan (*negotiation*) antara dua budaya. Akulturasi berperan menyelesaikan masalah pertentangan dunia wacana antara dua budaya dan percampuran antara keduanya yang boleh mengakibatkan salah faham.

### 1.7.2 Konteks

Persekitaran ekstra-tekstual yang memberikan pengaruh yang dapat menentukan bahasa yang digunakan. Terdapat 3 domain konteks yang boleh diperhatikan dengan jelas:

- (a) Komunikatif: merangkumi aspek-aspek mesej seperti laras;
- (b) Pragmatik: merangkumi niat (*intentionality*) untuk melihat maksud-maksud ujaran dalam konteksnya yang sebenar;
- (c) Semiotik: diambil kira dalam aspek antara teks (*intertextuality*), iaitu hubungan antara tanda dan lambang dengan benda atau idea yang dimaksudkan.

### 1.7.3 Laras

Suatu himpunan ciri atau ciri yang membezakan suatu bentuk bahasa dengan yang lain dari segi variasi dalam konteks yang melibatkan pengguna bahasa (dialek tempatan, idiolek dan lain-lain) dan/atau yang membezakan penggunaan bahasa (bidang atau subjek perkara, tenor atau tahap formaliti dan mod, atau bercakap lawan menulis).

#### 1.7.4 Teks

Sebuah karya penulisan yang lengkap dan menjadi subjek kepada kajian berbentuk analisis.

#### 1.7.5 Sastera pengembaraan

Karya kesusasteraan yang menceritakan perasaan penulis terhadap pengembaraannya di serata pelosok negeri. Penulis akan menceritakan adat, kelakuan serta akhlak manusia dan merakamkan pengamatan yang teliti tentang pemandangan alam semulajadi yang dilihatnya. Penulis mungkin mempersembah peringkat-peringkat pengembaraannya satu demi satu atau menghimpunkannya dalam satu masa. Masyarakat Arab adalah masyhur dengan sastera pengembaraan dan antara karya sastera pengembaraan yang terpenting ialah RIB.

#### 1.7.6 Leksis

Tahap analisis linguistik yang tidak bersifat fonologi atau tatabahasa, yang biasanya terdiri daripada butir kosa kata atau makna leksikal atau semantik dalam konteks tertentu.

#### 1.7.7 Bentuk leksikal

Perkataan leksikal ialah kata sifat nama (*adjective*) yang berasal daripada perkataan Greek *lexikos* 'of words (from *lexis* 'word')' iaitu sesuatu yang mempunyai hubungan dengan perkataan atau perbendaharaan kata sesebuah bahasa.

#### 1.7.8 Frasa

Sekumpulan kata yang membentuk sebuah unit konseptual dan biasanya membentuk sebuah komponen. Frasa tidak mempunyai taraf sebagai ayat yang sempurna.

### 1.7.9 Budaya

Budaya merujuk situasi sosial, atau semua ciri istimewa yang terdapat pada sesebuah tahap kemajuan yang dicapai oleh sesebuah tamadun manusia, atau pun sebuah cara kehidupan. Menurut definisi ini, bahasa merupakan sebahagian daripada budaya. Sub sistem budaya boleh dibahagikan kepada tiga:

- *Artifacts* – yang membentuk objek material dan teknik kehidupan
- *Sociofacts* – yang mengandungi institusi sosial formal dan tidak formal yang menguasai organisasi sosial sebuah kumpulan budaya
- *Mentifacts* – yang mengandungi pemikiran dan kepercayaan sebuah budaya yang dinyatakan dalam bentuk ucapan dan sistem kepercayaan

### 1.7.10 Denotasi

Denotasi merujuk makna kamus dan makna tanpa konteks sesuatu leksikal . Makna denotasi ialah makna yang difahami oleh sekalian penutur bahasa tertentu dan ia berlawanan dengan makna konotasi.

### 1.7.11 Konotasi

Konotasi merujuk makna-makna sampingan yang diberikan oleh sesebuah leksikal di sebalik makna utama dan rujukannya. Lazimnya, makna sampingan ini berbeza daripada seorang individu kepada seorang individu yang lain dan daripada sebuah masyarakat kepada masyarakat yang lain. Ini disebabkan makna konotasi mempunyai hubungan dengan pengalaman peribadi atau masyarakat. Contohnya 'notorious' dalam bahasa Inggeris (BI) membawa makna masyhur tetapi dengan



konotasi negatif. Makna konotasi juga melibatkan persoalan nilai, sejarah, tradisi, kepercayaan, agama dan budaya.

### 1.7.12 Makna Idiomatik

Dalam BA, makna idiomatik ialah makna yang lahir daripada ungkapan idiomatik iaitu, komponen bahasa yang mengandungi dua perkataan (*kalimah*) atau lebih, yang membawa makna baru yang bertentangan dengan makna-makna literal yang ditunjukkan oleh perkataan-perkataan yang membentuk makna tersebut. Ungkapan-ungkapan idiomatik pada asalnya ialah perumpamaan (*amthal*) yang digunakan secara meluas oleh masyarakat dan kemudiannya menjadi ungkapan yang idiomatik.

### 1.7.13 Etnosentrik

Etnosentrik ialah sikap menggunakan budaya sendiri sebagai kayu pengukur untuk mengukur semua budaya lain. Sikap etnosentrik membenarkan ahli sesuatu budaya membina semula dunia dalam imej mereka tanpa perlu terlebih dahulu menyedari betapa berbezanya dunia itu. Sikap etnosentrik ini melahirkan terjemahan mengikut potongan budaya sasaran secara eksklusif dan menepis keluar apa-apa yang tidak bersesuaian dengannya.

---

<sup>1</sup>Perkataan terjemahan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada perkataan Arab *tarjamah*. Kamus Arab (*al-Mu'jam al-Wasit*: 83), mentakrifkan, *tarjama kalam : naqalahu min lughatin ila ukhra* (menterjemahkan kata-kata: memindahkannya daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain). Manakala *translation* dalam bahasa Inggeris, menurut *The Oxford Companion to the English Language* (Tom McArthur : 1051), berasal daripada perkataan Latin *translatio/translatio* yang bermaksud "what is carried across, from trans across, ferre/latum to carry" (sesuatu yang dibawa menyeberang, daripada *trans* menyeberang, *ferre/latum* untuk membawa). *Translation* merupakan *doublet* (satu atau dua atau lebih perkataan yang diambil daripada satu sumber) kepada pe. kataan *transfer*.

<sup>2</sup>Akulturasi dipinjam daripada perkataan Inggeris *acculturation*. The New International Webster's Comprehensive Dictionary of the English Language (1996) mendefinisikan *acculturation* sebagai "culture change" pertukaran budaya. Al-Mawrid English-Arabic (1996) pula mendefinisikan akulturasi sebagai تبادل ثقافي بين شعوب مختلفة: pertukaran budaya antara masyarakat yang berbeza.

<sup>3</sup>Judul yang tertera pada muka hadapan karya ini ialah "*Rihlah Ibn Battutah al-musammah Tuhfah al-Nuzzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Aja'ib al-Asfar*" yang bermaksud *Pengembaraan Ibn Battutah yang dinamakan Persembahan kepada Para Pemerhati tentang Keanehan Kota Raya dan Keajaiban Pengembaraan*.

<sup>4</sup>Bahasa Arab mempunyai pengaruh terhadap bahasa di negeri Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan, Filipina, Somalia, Turki, beberapa republik di Soviet Union dan lain-lain negeri di mana terdapatnya masyarakat Islam. (McAthur, 1992: 78).

<sup>5</sup>Diambil daripada perkataan Latin, *de-* yang bermaksud *apart*, dan *notatio/notationis* yang bermaksud *marking*. Makna denotasi juga dikenali sebagai makna kognitif yang merujuk kepada hubungan langsung antara sebuah istilah dengan objek, idea atau perbuatan yang ditunjukkan. (Ibid.:257).

<sup>6</sup>Diambil daripada perkataan Latin *con-* yang bermaksud *together* dan *notatio/notationis* yang bermaksud *marking*. Makna konotasi juga dikenali sebagai makna afektif yang merujuk kepada aspek emotif dan aspek-aspek yang berkaitan sesebuah istilah. (Ibid.:257).

<sup>7</sup>Diambil daripada perkataan idiom yang berasal daripada perkataan Latin *idioma* yang bermaksud *specific property, special phrasing, from idios one's own, persinal, private*. (McAthur, 1992: 497).

<sup>8</sup>Terjemahan judul karya El-Sieny dalam bahasa Inggeris ialah "*A Contextual Dictionary of Idioms Arabic-Arabic*".

<sup>9</sup>Perkataan klasik berasal daripada bahasa Latin *classicus* yang bermaksud yang pertama dalam kedudukannya, daripada *classis* iaitu kedudukan. (McAthur: 216).

<sup>10</sup>Tangiers atau Tanjah ialah sebuah kota yang terletak sejauh 281km. dari ibukota negeri Morocco yang moden iaitu kota Rabat. Tangiers dahulunya merupakan sebuah kota pelabuhan di Maghribi (Morocco) yang menghadap Selat Gibraltar. Ia kini merupakan sebuah destinasi pelancongan yang popular. Amalan tradisi penduduknya masih bertapak kukuh. Imej diri dan identiti penduduk terus dipertahan dan tidak digadai atas nama kebendaan dan kemajuan. Lihat Jejak Rasul 3, TV3-1998.

<sup>11</sup>Transkrib Jejak Rasul 3 tersebut berbunyi, "Kami menyusuri lorong-lorong sempit untuk menuju ke makam Ibn Battutah, yang dilahirkan di sini (Tangiers) pada 24 Februari 1304M. Ibn Battutah - yang alim dalam bahasa Arab, fiqh dan tasawuf juga seorang pendakwah. Ketika mengembara, beliau diibaratkan tidak membawa apa-apa kecuali Islam sebagai bekalan dan kebenaran sebagai senjata. Ibn Battutah meninggalkan Tangiers pada 1325 untuk menunaikan haji. Beliau kemudian

---

meneruskan perjalanan mengembara ke negara-negara Timur jauh. Ibn Battutah meninggal dunia pada 1377 setelah menghabiskan 29 tahun mengembara. Ada pihak percaya beliau dimakamkan di sini." Sila rujuk rakaman video Jejak Rasul 3, 1998, episod 14: Tangiers, Morocco, keluaran Grand Brilliance Sdn. Bhd, TV3.